

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 16 MEI 2011 (ISNIN)
TAJUK BERITA : 157 KADET PEGAWAI PTD TAMAT KURSUS ASAS PERAJURIT MUDA SUKARELA

157 Kadet Pegawai PTD tamat Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela

Oleh RAIS YEOP JOHARI
rais.johari@kosmo.com.my

GEMAS - Seramai 157 Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) berjaya menamatkan Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela (Khas) di Kem Syed Sijaruddin di sini semalam.

Mereka merupakan kumpulan Perajurit Muda Sukarela (Khas) siri 1/2011 terdiri daripada 49 lelaki dan 108 wanita yang julung kali disertai kumpulan itu pada tahun ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Mejar Jeneral Datuk Seri Abu Bakar Abdullah berkata, program latihan Askar Wataniah itu merupakan satu kurikulum Diploma Pengurusan Awam (DPA) bagi pegawai PTD di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan).

"Selain modul latihannya sendiri, Intan turut menerapkan modul kursus perkhidmatan berpakaian seragam lain seperti Bomba dan Penyelamat di samping Polis Diraja Malaysia," katanya kepada pemberita selepas majlis penutupan kursus tersebut di sini.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan,



ABU BAKAR (tiga dari kiri) memeriksa perbarisan kawalan kehormat majlis penutup Kursus Asas Perajurit PTD Siri Khas 1/2011 di Kem Syed Sirajuddin, Gemas semalam.

Brigedier Jeneral Datuk Seri Dr. Ismail Ahmad, Panglima Medan Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Seri Panglima Ahmad Hasbullah Mohd. Nawawi dan Panglima 3 Divisyen, Mejar Jeneral Datuk Razali Ahmad.

Kata Abu Bakar, kursus tersebut meliputi elemen patriotisme, ke-

tahanan psikologi, keutuhan disiplin dan jasmani yang cergas dan ia sesuai diikuti oleh kakitangan awam bagi membantu transformasi negara.

Katanya, program latihan Askar Wataniah itu kelak akan diperluaskan ke kementerian lain secara berperingkat.